

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld.3 (8)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2014-2015)
BILANGAN 4 TAHUN 2015**

Tarikh	: 24 April 2015 (Jumaat)
Masa	: 11.18 Pagi –12.08 Tengahari
Tempat	: Dewan Bunga Tanjung, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.
Hadir	: Seperti dilampirkan kehadiran

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid, Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

- 2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Perhubungan Awam dan Korporat mengambil masa selama 12 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Mac 2015 dan April 2015.

3. PERUTUSAN DATUK BANDAR

Beliau mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan dan pegawai-pegawai serta seluruh warga kerja MBPJ di atas kerjasama dan komitmen kepada Majlis khususnya di dalam merealisasikan segala perancangan dan program Majlis. Segala pencapaian dan kejayaan pastinya menuntut komitmen yang jitu dan pelaksanaan sistem penyampaian perkhidmatan (delivery system) yang berkesan dan semangat kerja berpasukan di antara Ahli Majlis dan warga kerja Majlis. Justeru itu, di dalam menggalas tanggungjawab ini adalah amat penting bagi semua warga kerja dan Ahli-ahli Majlis memahami, menghayati dan seterusnya melaksanakan



tanggungjawab masing-masing dengan tahap professionalism masing-masing.

3.1 ICLEI WORLD CONGRESS OF LOCAL ENVIRONMENTAL INITIATIVES DAN ANUGERAH NATIONAL EARTH HOUR CAPITAL OF MALAYSIA

Bersempena dengan program sambutan Earth Hour 2015 City Carnival @ PJ ini juga, MBPJ berikrar akan mengurangkan pelepasan karbon dioksida di semua bangunan milik MBPJ sebanyak 25% dalam tempoh 5 tahun sekiranya 1000 orang menghadiri program sambutan ini sebagai tanda sokongan terhadap kempen Earth Hour. MBPJ juga menyeru agar semua bangunan di Petaling Jaya untuk memadamkan lampu selama 1 jam dan menyeru setiap lapisan masyarakat untuk mendidik setiap ahli keluarga dan komuniti mereka untuk menyayangi alam sekitar.

MBPJ juga telah menerima Anugerah National Earth Hour Capital Of Malaysia dan Anugerah The Most Loveable City anjuran WWF International dalam penyertaan Majlis di ICLEI World Congress of Local Environmental Initiatives (Local Government for Sustainability) pada 9 April 2015 di Seoul, Korea.

3.2 KEBUN KEJIRANAN KOMUNITI

Majlis akan memperkenalkan Program Kebun Kejiranan berkonsepkan “kitchen garden” atau “edible landscape” akan diperkenalkan dengan tanaman makanan yang bersesuaian di kawasan lapang untuk keperluan keluarga atau komuniti. Ia dapat menggalakkan pengeluaran makanan tempatan yang dapat menjamin kesegaran makanan, menghasilkan pelbagai jenis tanaman, menyokong pembangunan ekonomi tempatan dan mengalakkan pertanian yang berasaskan komuniti di kalangan penduduk setempat. Selain itu, aktiviti perkebunan ini juga dapat menjalinkan hubungan rapat sesama ahli keluarga yang turut serta dan peserta-peserta kebun komuniti di dalam kehidupan seharian.

Dalam merealisasikan program ini, Majlis telah menyasarkan tumpuan utama kepada penduduk taman perumahan, penghuni rumah pangsa dan pelajar sekolah. Majlis telah melaksanakan projek perintis di kawasan lapang bersebelahan Tadika MBPJ dan Jabatan Landskap sebagai model “Kebun Bandar”. Seterusnya, usaha ini akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut Zon Ahli Majlis dengan memfokuskan kepada penglibatan komuniti Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga, PPR, NGO, Tadika dan Sekolah yang komited untuk menjayakannya. Pada tahun 2015, Majlis telah menerima permohonan dari Persatuan Penduduk seperti RA BU12/5, RA BU4/1, PPR Lembah



Subang, PPR Kota Damansara Sek.8, SK Bukit Bintang (1), SMK Damansara Utama dan Tadika PJU 10/14C. Program ini juga adalah seiring dengan inisiatif *Low Carbon City (LCC)* dan Pelan Tindakan Koridor Hijau Petaling Jaya.

Secara konsepnya, pendekatan program ini akan dilaksanakan secara individu atau berkomuniti. Anak-anak pokok sayur-sayuran dan ulam-ulaman ditanam di dalam bekas mudah alih seperti pasu, polibeg dan seumpamanya di atas tanah kosong milik Kerajaan, Majlis dan sebagainya. Penanaman secara individu melibatkan seorang atau satu keluarga yang dilaksanakan di tanah kosong dalam kediaman sendiri sama ada di depan, tepi atau belakang. Kaedah ini sesuai dilaksanakan di rumah teres dan rumah pangsa. Manakala penanaman secara komuniti pula dilaksanakan oleh penduduk setempat di kawasan perumahan yang terdapat tanah lapang yang terletak berhampirannya.

Melalui kaedah ini, peserta-peserta boleh menanam pelbagai jenis tanaman dengan menyediakan batas tanaman, raised garden bed, stor penyimpanan peralatan, sistem pengairan, tangki tuaian air hujan (SPAH), kemudahan pengkomposan dan pagar. Proses penyediaan kemudahan dan penanaman akan diuruskan oleh satu badan pengurusan yang terdiri daripada wakil komuniti yang bertindak sebagai perancang dan pelaksana penanaman di kawasan berkenaan termasuk mendapatkan kelulusan secara rasmi daripada pihak yang berkaitan.

3.3 PROJEK PERINTIS “TANGGUNGJAWAB BERSAMA” DI PASAR MALAM PETALING JAYA

Di antara isu pengurusan pasar malam adalah permasalahan sampah yang dihadapi terutamanya selepas aktiviti perniagaan. Perkara ini perlu diambil penekanan serius kerana masalah sampah juga akan mengakibatkan masalah pencemaran alam sekitar, implikasi terhadap kesihatan masyarakat, kerosakan harta awam, saliran longkang dan lain-lain. Masalah pembuangan sampah yang tidak terkawal akan mengakibatkan kerugian yang besar kerana perbelanjaan untuk mengutip sampah menelan kos yang tinggi.

Majlis telah mengambil satu pendekatan baru dengan melakukan satu projek perintis iaitu melibatkan pasar malam Pusat Bandar SS2, pasar malam Chow Yang SS2, pasar malam Taman Paramount SS20, pasar pagi SS2 dan Pasar Malam SS3. Projek perintis ini merupakan satu langkah untuk mendidik persatuan penjaja untuk menjaga kebersihan tanpa meletakkan tanggungjawab sepenuhnya kepada pihak Majlis.



Antara perkara yang terkandung dalam projek perintis ini ialah wujudnya Jawatankuasa Pemantau terdiri daripada 3 orang pegawai MBPJ (wakil daripada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Jabatan Kesihatan Persekutaran dan Jabatan Penguatkuasaan) dan 3 wakil penjaja. Jawatankuasa ini akan memantau aktiviti peniaga dalam menjaga kebersihan. Sebagai contoh, pasar malam Pusat Bandar SS2 yang beroperasi setiap Isnin mempunyai 601 petak yang akan dinilai oleh panel penilai. Sekiranya lebih 30% petak kotor dan tidak mengikut syarat maka pasar malam itu akan ditutup selama sehari. Projek ini telah bermula pada 1 Disember 2014. Diharapkan masalah sampah di kawasan pasar dapat dikurangkan serta kos kutipan sampah dapat dijimatkan oleh persatuan penjaja dan juga Majlis tidak mengupah kontraktor berulang kali untuk membersihkan di kawasan yang sama.

Di samping itu, penyusunan semula petak pasar malam telah dilaksanakan agar lebih teratur dan bebas halangan dengan beberapa syarat tambahan dikuatkuasakan untuk keselesaan peniaga dan pelanggan iaitu :

- i. Laluan awam dan kemudahan awam bebas dari halangan
- ii. Penyediaan tong sampah bagi kegunaan pelanggan
- iii. Kawalan ketat terhadap penjaja tanpa lesen

Program ini melibatkan penyertaan peniaga dalam memastikan pasar malam di kawasan Majlis dikendalikan dalam keadaan teratur.

3.4 SEMINAR DAN BENGKEL ‘UNIVERSAL DESIGN AND ACCESSIBILITY IN THE BUILT ENVIRONMENT TOWARDS PEOPLE CENTERED OF PETALING JAYA’ PADA 3 & 4 JUN 2015

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) berperanan sebagai perintis agenda Bandar Bebas Halangan sejak tahun 2000 melalui beberapa usaha termasuk menubuhkan Jawatankuasa Kerja Teknikal Bagi Pembangunan Kemudahan OKU. Pada tahun ini, Majlis akan menganjurkan seminar dan bengkel ‘Universal Design And Accessibility In The Built Environment Towards People Centered Of Petaling Jaya’ pada 3 dan 4 Jun 2015 bertempat di Hotel Armada, Petaling Jaya. Seminar dan bengkel ini bertujuan bagi membincangkan isu, masalah dan cadangan penyelesaian, membuat penambahbaikan sistem kawalan, pemantauan dan penguatkuasaan terhadap projek-projek pembangunan demi memastikan konsep Bandar Bebas Halangan di Petaling Jaya khususnya dan seluruh Negeri Selangor amnya tercapai.



3.5 BENGKEL KAJIAN PENILAIAN IMPAK LOCAL AGENDA 21 DAN HALATUJU ANUGERAH PERDANA KOMUNITI MAMPAN PETALING JAYA PADA 16 DAN 17 MEI 2015

Majlis Bandaraya Petaling Jaya merupakan PBT perintis yang melaksanakan Local Agenda 21 sejak tahun 2001. Pelaksanaan Local Agenda 21 selama hampir 13 tahun telah menghasilkan pencapaian yang boleh dibanggakan oleh Majlis di masa kini. Program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh Majlis mendapat penyertaan yang baik daripada segenap komuniti dan lapisan masyarakat membuktikan Local Agenda 21 adalah konsep yang holistik dan "mesra masyarakat". Antara program yang sangat memberi impak positif adalah penganjuran Anugerah Perdana Komuniti Mampan Petaling Jaya (APKM) yang telah mula dilaksanakan sejak tahun 2001. Anugerah berprestij ini bertujuan memberi pengiktirafan kepada inisiatif dan pencapaian komuniti yang cemerlang dalam menambahbaik kualiti alam persekitaran dan kemampanan komuniti selaras dengan pelaksanaan Local Agenda 21 Petaling Jaya.

Majlis akan menganjurkan Bengkel Kajian Penilaian Impak Local Agenda 21 dan Halatuju Anugerah Perdana Komuniti Mampan Petaling Jaya Pada 16 & 17 Mei 2015, di Hotel Armada, Petaling Jaya. Tujuan bengkel ini adalah mengkaji dan merangka semula hala tuju, mekanisma perlaksanaan Local Agenda 21 Petaling Jaya, termasuk merangka Pelan Strategik, Pelan Tindakan, rangka kerja perkongsian serta hala tuju Local Agenda 21 Petaling Jaya. Hasil daripada bengkel tersebut dapat menentukan hala tuju dan penambahbaikan struktur / mekanisma penganjuran Anugerah Perdana Komuniti Mampan Petaling Jaya.

3.6 OPERASI PENGUATKUASAAN

3.6.1 OPERASI PENDATANG TANPA IZIN

Majlis telah menjalankan operasi pendatang tanpa izin secara bersepadu dengan Jabatan Imigresen Selangor pada 16 April 2015. Operasi ini melibatkan pasar SS 2, pasar Sek. 7, pasar Sg. Way dan pasar Jalan Othman. Pihak Imigresen telah menahan seramai 44 orang pendatang asing terdiri daripada 16 lelaki dan 28 wanita untuk tindakan selanjutnya. Operasi ini bertujuan untuk mengatasi masalah penjaja asing tanpa izin bermiaga. Manakala pada 16 April 2015, Majlis telah menjalankan operasi pusat hiburan dan rumah urut di sekitar kawasan Mentari, PJS 8, Petaling Jaya secara bersepadu bersama dengan Polis Diraja Malaysia. Di dalam operasi berkenaan pihak PDRM telah berjaya membuat tangkapan sebanyak 60 orang pendatang tanpa izin di 2 buah premis yang



beroperasi sebagai pusat hiburan dan rumah urut di kawasan tersebut.

3.6.2 PENURUNAN IKLAN

Majlis giat melaksanakan tindakan penguatkuasaan iklan, poster, *bunting* dan *banner* tanpa lesen di seluruh kawasan Petaling Jaya. Mulai Januari 2015 sehingga kini, sebanyak 283,809 iklan pelbagai saiz telah diturunkan. Di samping itu, 598 kompaun telah dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil Iklan (MBPJ) 2014. Manakala 2 tangkapan telah dibuat dan sebanyak 2,015 nombor talian telah dihantar ke Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) untuk tujuan pemotongan. Maklumbalas yang diperolehi, sebanyak 145 nombor talian telah dipotong oleh pihak SKMM.

Jumlah tindakan penurunan iklan mulai Januari sehingga 16 April 2015 adalah seperti berikut :

a) Tindakan Penurunan Iklan

BIL.	JENIS IKLAN	JUMLAH TINDAKAN
1.	<i>Banner</i>	3,890
2.	<i>Bunting</i>	162,503
3.	Iklan Kecil Pinjaman Wang	46,716
4.	Iklan Kecil Rumah	27,975
5.	Iklan Kecil Lori Sewa	36,182
6.	Iklan Berstruktur	197
7.	Lain-Lain Iklan	6,346
JUMLAH		283,809

b) Jumlah nombor telefon untuk tindakan SKMM

TAHUN	JUMLAH NOMBOR TELEFON DIHANTAR KEPADA PIHAK SKMM	JUMLAH PEMOTONGAN TALIAN TELEFON
2014	8,128	180
2015	2,015	145
JUMLAH	10,143	325

Majlis akan menjalankan tindakan penguatkuasaan secara berterusan bagi mengekang aktiviti tersebut.



4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA:-

4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 3 TAHUN 2015 (SESI 2014/2015)

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 3 Tahun 2015 bertarikh 27 Mac 2015 telah diluluskan tanpa pindaan.

4.2 MINIT MESYUARAT KHAS MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 4 TAHUN 2015 (SESI 2014/2015)

4.2.1 Minit Mesyuarat Khas Majlis bilangan 4 Tahun 2015 bertarikh 24 April 2015 jam 9.00 pagi yang diadakan sebelum Mesyuarat Majlis telah diluluskan tanpa pindaan.

5.0 LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 3 TAHUN 2015 YANG TELAH DIADAKAN PADA 27 MAC 2015.

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
5.0 (7.5.2)	PERKARA DIBANGKITKAN YANG OLEH ENCIK ARIFFIN BIN MAHAIYUDDIN - Berkaitan Pihak pemaju Tetuan Buana Perdana Sdn Bhd yang ingin meneruskan/ menyambung projek jalan dan perparitan di PJS 2 (tepi SMK Dato' Harun) berdasarkan cadangan rekabentuk perunding Majlis melalui permohonan KM mereka kepada Majlis.	Satu mesyuarat bersama pihak pemaju bagi mendapatkan keputusan dan ketetapan dimana pihak pemaju akan menyambung projek jalan dan perparitan di PJS (2) telah ditetapkan pada 23 April 2015.



RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
5.0 (7.1)	<p>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH YB. TUAN HEE LOY SIAN</p> <ul style="list-style-type: none"> - Isu kerja-kerja yang tidak berjalan bagi projek menukarkan Bulatan Othman kepada lampu isyarat yang sepatutnya siap pada Oktober 2014. Beliau berharap agar jabatan berkaitan melaporkan status projek untuk makluman. 	<p>Pihak SYABAS telah menyiapkan kerja-kerja pengalihan injap pada 15 April 2015. Pihak majlis telah mengarahkan pihak kontraktor untuk memulakan kerja segera di tapak.</p>
7.1	<p>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN IR. LEE SUET SEN</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pelaksanaan Fasa Kedua Jalan Sehala Beliau berharap agar Jabatan Kejuruteraan bersama Unit Perhubungan Awam dan Korporat dapat bekerjasama menyalurkan maklumat berkaitan pelaksanaan sistem jalan sehala kepada penduduk Petaling Jaya. 	<p>Makluman atau pembeitanuan kepada pengguna jalanraya dan penduduk Petaling Jaya khususnya telah banyak kali dibuat oleh Majlis antaranya melalui Majlis pelancaran projek sistem jalan sehala pada Januari 2013 dan kenyataan-kenyataan akhbar pada 9 September 2014, 9 Oktober 2014, 13 Oktober 2014 dan juga pada Mesyuarat Majlis bulan Januari 2015. Majlis juga telah membuat hebahan melalui laman sesawang Majlis dan media sosial.</p>



RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
		<p>Walaubagaimanapun, bagi memberi penjelasan lebih lanjut kepada pengguna jalanraya dan penduduk Petaling Jaya sekali lagi, Majlis melalui Unit Perhubungan Awam akan menyediakan satu artikel khusus bagi menerangkan tentang projek sistem jalan sehala ini untuk hebahan di dalam media tempatan.</p>
7.7.2	PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK HALIMEY BIN ABU BAKAR <ul style="list-style-type: none"> - Beliau meminta agar kajian semula dibuat ke atas isu sampah di bawah pemantauan PKNS di mana MBPJ terpaksa menanggung beban tersebut. 	<p>Satu kertas kerja mengenai cadangan untuk pengambilalihan perkhidmatan pembersihan awam disemua kos rendah akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar pada bulan Mei 2015.</p>
7.7.3	<ul style="list-style-type: none"> - Beliau turut membangkitkan isu pencerobohan tanah kerajaan bagi tujuan pembuangan sampah oleh penjaja. Hal ini boleh menyebabkan peningkatan kos kepada Kerajaan Negeri dan juga kerugian serta masalah kepada MBPJ. 	<p>Satu Jawatankuasa Kecil akan ditubuhkan untuk melicinkan tindakan terhadap penjaja-penjaja tanpa lesen ini dan diurusetiakan oleh Jabatan Penguatkuasaan untuk tindakan sitaan dan perobohan.</p>



RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.16.3	PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK ARIFFIN BIN MAHAIYUDDIN <ul style="list-style-type: none"> - Beliau turut membangkitkan penerimaan CD agenda untuk mesyuarat yang lambat diterima. Menurut beliau CD tersebut hendaklah sampai kepada Ahli Majlis selewat-lewatnya tiga (3) hari sebelum mesyuarat bersidang bagi tujuan semakan oleh Ahli Majlis. 	Kelewatan CD Agenda yang dihantar kepada Ahli Majlis adalah disebabkan Urusetia Mesyuarat Jabatan lambat menghantar minit mesyuarat iaitu kurang lima (5) hari bekerja bagi tujuan penyediaan CD agenda. Kelewatan ini akan menjelaskan penghantaran CD agenda oleh Penghantar Notis kepada Ahli Mesyuarat. Sasaran Urusetia Mesyuarat iaitu 3 hari bekerja sebelum Mesyuarat bersidang akan tercapai dengan kerjasama daripada semua pihak.

6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS

6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 25 MAC 2015, 30 MAC 2015, 15 APRIL 2015 DAN 17 APRIL 2015.

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (99)

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (101)

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (103)

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (105)

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.



6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 7 APRIL 2015 DAN 17 APRIL 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 4 (73)
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 4 (75)

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.

6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 13 APRIL 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 (67)]

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.

6.4 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 14 APRIL 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 2 (49)]

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ.

6.5 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 15 APRIL 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 2 (27)]

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

6.6 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BERTARIKH 16 APRIL 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 (126)]

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.



- 6.6.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan laporan audit ke atas kes penggunaan status 4 lori kompaktor sedia ada yang tidak digunakan agar ia dapat digunakan sepenuhnya (muka surat 4/7).
- 6.6.3 Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud turut menjelaskan bahawa laporan Audit adalah penting. Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar jabatan/bahagian terlibat memberikan maklumbalas segera kepada JATU untuk tindakan selanjutnya.

Tindakan : Ketua Unit Audit, MBPJ.

- 6.7 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 16 APRIL 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD 2 (97)]**

- 6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.

- 6.8 **CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 17 APRIL 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 (119)]**

- 6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.

- 6.9 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 20 APRIL 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 3 (35)]**

- 6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.



**6.10 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 21 APRIL 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 2 (33)]**

- 6.10.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan tambahan minit bagi perkara 6.2 para 6.2.3 di muka surat 73 iaitu:-
- 6.2.3 Mesyuarat memutuskan agar perkara berkaitan TOD akan dibincangkan di dalam Mesyuarat sedia ada iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kajian Pengangkutan Petaling Jaya.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.

7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

7.1 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN IR. LEE SUET SEN

- 7.1.1 Beliau memaklumkan bahawa semenjak kebelakangan ini, terdapat banyak pertikaian berkaitan isu 'Urban Transport' yang dibangkitkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC. Sehubungan dengan itu, beliau mencadangkan agar isu 'Urban Transport' dijadikan dasar yang perlu ada di dalam kertas kerja yang akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC. Sekiranya kertas kerja tersebut tidak lengkap iaitu tidak mengandungi perkara-perkara yang melibatkan 'Urban Transport' maka kertas kerja tersebut tidak perlu dibentangkan.
- 7.1.2 Berkaitan 'Feeder Bus' di mana MBPJ adalah 'role model' kepada PBT lain di Selangor yang menerajui 'Feeder Bus', beliau berharap agar Majlis memperuntukan perbelanjaan bagi pertambahan 'feeder bus' bagi menampung kegunaan oleh orang awam.
- 7.1.3 Beliau turut berharap agar Majlis memperuntukan bajet pada tahun hadapan bagi pembinaan perhentian bas ekoran sistem MRT yang dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2016.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.



7.2 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TANG FUIE KOH

- 7.2.1 Beliau memaklumkan bahawa walaupun baru tiga (3) minggu bekerjasama dengan YBhg. Datuk Pengurus Mesyuarat, beliau merasakan seolah-olah kerjasama perkara ini telah lama berlaku. Beliau turut menekankan bahawa sikap kerjasama adalah elemen paling penting untuk mencapai kejayaan sama ada kerjasama dengan YBhg. Datuk Bandar dan Pengarah-Pengarah Jabatan/Bahagian yang lain.
- 7.2.2 Beliau turut berharap agar Jabatan/Bahagian terlibat dapat memaklumkan rancangan berkaitan projek yang akan dilaksanakan hingga akhir tahun ini bagi tujuan pemantauan oleh Ahli Majlis.
- 7.2.3 Mesyuarat turut memutuskan agar Unit Perhubungan Awam dan Korporat mengumpulkan perkara-perkara yang menjadi dasar MBPJ bagi mencapai hala tuju Petaling Jaya.

**Tindakan : Semua Ketua Jabatan/Bahagian, MBPJ,
Ketua Unit, Perhubungan Awam dan Korporat, MBPJ.**

7.3 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN HAJI MOHD GHAZALI BIN DAUD

- 7.3.1 Beliau tertarik dengan ucapan YBhg. Datuk Pengurus Mesyuarat berkaitan 'back to basic' di mana di dalam merealisasikan segala perancangan dan program Majlis komitmen dan pelaksanaan sistem penyampaian perkhidmatan (delivery system) yang berkesan dan semangat kerja berpasukan di antara Ahli Majlis dan warga kerja Majlis adalah amat penting. Warga kerja Majlis perlu memahami, menghayati dan seterusnya melaksanakan tanggungjawab masing-masing mengikut tahap profesionalism masing-masing. Selain daripada itu kebijakan kakitangan perlu dijaga.

Tindakan : Pengarah Jabatan/Bahagian, MBPJ.

- 7.3.2 Berkaitan 'Feeder Bus' sebagaimana ucapan daripada Tuan Ir. Lee Suet Sen, beliau berharap agar perkhidmatan tersebut ditingkatkan. Bukan setakat penyediaan bajet, akan tetapi perancangan lima (5) tahun akan datang hendaklah dikaji agar 'Feeder Bus' ini akan menjadi 'trade mark' MBPJ.



7.3.3 Berkaitan pelaksanaan fasa kedua jalan sehala sebagaimana yang dibangkitkan oleh Tuan Ir. Lee Suet Sen di dalam Mesyuarat Majlis yang lepas adalah lakaran oleh artis berkaitan gambaran pelaksanaan jalan sehala pada masa akan datang untuk makluman penduduk. Lakaran artis berkaitan pelaksanaan jalan sehala di Petaling Jaya bukanlah di atas kertas sahaja akan tetapi diedarkan kepada penduduk untuk gambaran Petaling Jaya akan datang ekoran pelaksanaan jalan sehala.

7.3.4 Puan Sia Siew Chin turut mencadangkan agar projek jalan sehala ini mengambilkira kemudahan Orang Kelainan Upaya (OKU)


Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.08 tengahari. YBhg. Datuk Pengurus Mesyuarat memaklumkan bahawa untuk ucapan penangguhan akan diberikan kepada wakil Ahli Majlis setiap bulan (anggaran seorang atau dua orang sahaja yang berucap).

Selain daripada itu, beliau turut menegur agar Mesyuarat Khas atau Taklimat hendaklah diadakan selepas Mesyuarat Majlis atau waktu berlainan memandangkan ianya menganggu perjalanan Mesyuarat Majlis.

Beliau turut menekankan permohonan berkaitan perkongsian data daripada EXCO.

Akhir sekali beliau sekali lagi menekankan semangat kerjasama yang padu diantara wargakerja MBPJ amat penting demi mencapai visi dan misi MBPJ.



(HAJI AHMAD MOHAAYEN BIN HAJI SAID), AMN, AIS, PJK
Timbalan Setiausaha,
b.p. Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 28 April 2015



LAMPIRAN KEHADIRAN

HADIR:

- | | |
|---|-------------|
| 01. Tuan Mohd Azizi bin Mohd Zain,
Datuk Bandar, MBPJ. | - Pengerusi |
| 02. Tuan Haji Ahmad Mohayen bin Haji Said,
Timbalan Setiausaha,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ. | |
| 03. Tuan Ir. Lee Suet Sen,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 04. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 05. Encik Jeyaseelen a/l T Anthony,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 06. Encik Tony Cheong Siew Thong,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 07. Encik Azri bin Mohamad Arish,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 08. Encik Oon Chong Ling,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 09. Encik Ang Ming Ern,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 10. Encik Ariffin bin Mahaiyuddin,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 11. Encik Azizi bin Ariffin,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 12. Puan Sia Siew Sin,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 13. Encik Tang Fuie Koh,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 14. Encik Mahharul bin Ismail,
Ahli Majlis, MBPJ. | |



15. Puan Cynthia Gabriel,
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Encik Suriase a/l Gengiah,
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Y.M Raja Fairuz binti Raja Mazlan,
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Halimey bin Abu Bakar,
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik,
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Encik Chong Fook Meng,
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Encik Ong Swee Long,
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Puan Wong Yuet Leng,
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Encik Chan Kien Fatt,
Ahli Majlis, MBPJ.

TIDAK HADIR:

01. Encik Shatiri bin Mansor, (*dengan maaf*)
Ahli Majlis, MBPJ.
02. Encik Sugumaran a/l R Annamalai, (*dengan maaf*)
Ahli Majlis, MBPJ.

HADIR BERSAMA:

01. Puan Hajah Sa'diyah binti Khasiman,
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
02. Puan Sharipah Marhaini binti Syed Ali,
Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.



03. Tuan Ir. Ismail bin Shafie,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
04. Y.Bhg Datin Sr. Amreeta Kaur, MISIM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
05. Encik Aznan bin Haji Hassan,
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
06. Puan Hamidah binti Ariffin,
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
07. Puan Zuraidah binti Sainan,
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.
08. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivelu, A.M.S
Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ.
09. Encik Mohd Fauzi bin Maarop,
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
10. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
11. Encik Lee Lih Shyan,
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Permbersihan Awam, MBPJ.
12. Encik Mohd Yusof bin Che Aziz,
Wakil Ketua Unit (Perundangan), Unit Perundangan, MBPJ.
13. Puan Haniza binti Abdul Hamid,
Ketua Unit (Perhubungan Awam dan Korporat),
Unit Perhubungan Awam dan Korporat, MBPJ.
14. Encik Ainul Adnan bin Abdul Rahaman,
Ketua Unit (Audit Dalam), Unit Audit Dalam, MBPJ.
15. Cik Nor Shabani binti Johari,
Ketua Unit, Unit Pesuruhjaya Bangunan, MBPJ.
16. Puan Hairulliza binti Abdul Rahman,
Ketua Unit, Unit Pusat Setempat, MBPJ.
17. Encik Samsul Bahari bin Nonchi,
Ketua Unit, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.



18. Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid,
Timbalan Pengarah (Sumber Manusia),
Bahagian Sumber Manusia, MBPJ.
19. Puan Saliza binti Mohd. Masri,
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),
Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

AHLI PARLIMEN/ADUN:

01. Encik Billy Wong,
Wakil Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara.
02. Encik Hoo Fook Chuan,
Wakil Ahli Parlimen Kelana Jaya.
03. Y.B Tuan Rajiv a/l Rishyakaran,
ADUN Bukit Gasing.
04. Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin,
Penyelaras DUN Kota Damansara.

URUSETIA:

01. Puan Haslida binti Samat,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Encik Mohd. Sakri bin Md Zin,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

